



اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PERATURAN PERMAINAN BOLA BALING

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Baling Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC)

2. PERATURAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan International Handball Federation (IHF) dan Peraturan AM Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) yang dikuatkuasa sepanjang kejohanan sukan ini.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan antara pasukan mewakili Fakulti dibawah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

4. PENDAFTARAN DAN PEMBENTUKAN PASUKAN

- 4.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 14 orang pemain bagi satu pasukan.
- 4.2 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 4.3 Hanya pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

5. SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Sila rujuk Peraturan AM Sukfac, Perkara 9.

6. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

6.1 Cara memberi mata:

Menang	-	3
Seri	-	1
Kalah	-	0

6.2 Jika terdapat pasukan pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut:

6.2.1 Pasukan yang memenangi perbezaan gol dikira menang.

6.2.2 Jika masih seri, pasukan yang mempunyai jaringan yang lebih dikira pemenang.

6.2.3 Jika masih seri, pasukan yang telah mengalahkan lawannya diambil kira.

6.2.4 Jika masih seri, balingan 7 meter akan dijalankan untuk menentukan pemenang. Sebanyak 5 balingan dibenarkan dan sekiranya masih seri maka lontaran "sudden death" dijalankan.

7. PAKAIAN

7.1 Pakaian seragam mengikut Peraturan IHF

8. MASA BERMAIN

8.1 Masa permainan ialah 10 minit - 2 minit - 10 minit

9. KELEWATAN

Hanya 10 minit sahaja akan diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 15-0, 15-0.